

PM jamin KL tidak diabai

BH 2 - FEB 2001

Oleh Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa Kuala Lumpur tidak akan diabaikan, walaupun pusat pentadbiran negara dipindahkan dari ibu kota ke Putrajaya yang hari ini diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.

Perdana Menteri berkata, sementara Putrajaya berfungsi sebagai pusat pentadbiran negara, Kuala Lumpur pula akan menjadi pusat komersial.

“Kita tidak melupakan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur akan menjadi pusat komersial manakala Putrajaya menjadi pusat pentadbiran dan saya berharap kita tidak akan mengubah pusat ini lagi,” katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas upacara perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan di sini, Dr Mahathir berkata Putrajaya adalah simbol pembangunan pesat negara sejak merdeka.

Sehubungan itu, beliau sedih dengan sikap sesetengah rakyat yang melemparkan pelbagai tohmahan terhadap pembangunan Putrajaya, sedangkan sesiapa saja yang berkunjung ke situ, khususnya orang asing, amat menghargainya.

“Ingat ketika kita membina jambatan Pulau Pinang, saya menerima banyak kritikan, tetapi kini jambatan ini tidak lagi dapat menampung kenderaan sehingga perlu membina jambatan lain.

“Tanpa jambatan ini, apakah Pulau Pinang dapat membangun sepesat

“Kita tidak melupakan Kuala Lumpur. Kuala Lumpur akan menjadi pusat komersial manakala Putrajaya menjadi pusat pentadbiran dan saya berharap kita tidak akan mengubah pusat ini lagi”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

sekarang kerana setiap projek yang dibina bukan untuk hari ini saja, tetapi masa depan,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, kewujudan Putrajaya, iaitu Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan, membolehkan kerajaan meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat secara lebih cekap, cepat dan berkesan.

Dr Mahathir juga menegaskan bahawa Putrajaya dibina bukan untuk pemimpin hari ini.

“Kerajaan tidak ingin melihat setiap kali pemimpin baru ditabalkan, maka rumah baru perlu dibina atau lebih buruk lagi, bandar baru dijadikan ibu kota.

“Putrajaya adalah untuk semua pemimpin akan datang, pemimpin sebuah negara yang sudah mencapai tahap pembangunan tinggi yang akan menjadi negara maju, insya-Allah,” katanya pada majlis bersejarah itu yang turut dihadiri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kabinet

dan Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohd Khir Toyo.

Pusat pentadbiran itu yang dibina berasaskan konsep mesra alam, mesra manusia dan melambangkan hubungan manusia dengan pencipta-Nya, dinamakan Putrajaya bagi mengabadi jasa Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, yang juga Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia.

Perdana Menteri berkata, pusat pentadbiran itu dibina bukan saja bagi ke-selesaian pemimpin, tetapi juga untuk rakyat yang akan turut menggunakan bahagian tertentu di bangunan berkenaan.

“Apakah kita membazir dengan mendirikan Putrajaya? Kita membazir jika kita belanja untuk sesuatu yang tidak berguna. Kita boros jika kita belanja lebih daripada kemampuan kita dan kita boros dan membazir jika kita hutang untuk berdiri sesuatu yang tidak berguna.

“Pembangunan bandar-bandar di negara ini, seperti Putrajaya, harus disambut baik kerana ia memberi sumbangan yang besar kepada pertumbu-

han ekonomi negara.

"Bagi mereka yang faham putaran ekonomi, pembangunan bandar harus disambut baik. Amatlah aneh apabila kerajaan membangunkan Putrajaya, tuduhan dibuat bahawa ia adalah satu pembaziran," katanya.

Dr Mahathir mempersoalkan mengapa tuduhan seperti itu tidak dibuat apabila bandar seperti Petaling Jaya, Subang Jaya dan Shah Alam serta bandar lain dirancang dan dibangunkan.

"Jawapannya ialah politik yang mencari isu untuk memburukkan kerajaan. Kepentingan negara diketepikan kerana keutamaan kepada politik pihak tertentu dan hanya kera-

na kepentingan pihak ini, mereka sanggup bersubahat dengan orang asing dan menuduh kononnya Putrajaya adalah projek mega dan pembaziran," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan mewujudkan Putrajaya, kerajaan Persekutuan secara langsung dapat menggerakkan pembangunan di kawasan sekitarnya dengan membina infrastruktur, pusat perniagaan dan kemudahan sosial.

Beliau berkata, perhubungan dengan kerajaan negeri juga akan lebih mudah, cekap dan cepat, kerana kedudukan Putrajaya strategik dan berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur

(KLIA), Cyberjaya serta Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, kerajaan Pusat menjunjung kasih kepada Sultan Selangor, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah serta Pemangku Sultan Selangor dan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Selangor yang bersetuju menyerahkan Putrajaya untuk dijadikan Wilayah Persekutuan.

"Saya sedar walaupun kawasan ini tidak luas, pada prinsipnya, penyerahan kawasan oleh kerajaan negeri kepada Pusat adalah satu pengorbanan. Demikianlah iltizam negeri kepada konsep Persekutuan sehingga Selangor sanggup membuat pengorbanan ini," katanya.